SULIT

Nama Murid: ..... **Kelas: .....**

SEKOLAH KEBANGSAAN LEDANG,

TANGKAK, JOHOR

Matematik

Kertas 1

September 2021

PEPERIKSAAN AKHIR TAHUN

2021

MATEMATIK

Kertas 1

Tahun 5

1 jam

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Jawab semua soalan.*
2. *Bagi setiap soalan jawab berdasarkan arahan yang diberikan.*
3. *Semua jawapan hendaklah ditulis pada kertas ini sahaja*

Kertas soalan ini mengandungi [7] halaman bercetak.

LIVEWORKSHEETS

KERTAS 1 [40 *markah*] **Masa: Satu jam**

Kertas peperiksaan ini mengandungi **40** soalan. Jawab **semua** soalan. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A**, **B**, **C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja.


1. Cerakinkan nombor 409 105 mengikut nilai digitnya.
A 40 000 + 900 + 10 + 5
B 400 000 + 900 + 10 + 5
C 40 000 + 9 000 + 100 + 5
D 400 000 + 9 000 + 100 + 5

2. Antara berikut, yang manakah mempunyai nilai bagi digit 3 yang paling kecil?
A 243 195
B 501 936
C 856 273
D 938 570

3. Bundarkan 625 073 kepada puluh ribu yang terdekat.
A 600 000
B 620 000
C 625 000
D 630 000

4. Antara nombor berikut, yang manakah lebih besar daripada 215 880?
A 214 796
B 217 001
C 201 905
D 210 851

5. Rajah 1 menunjukkan dua buah blok, *K* dan *L*.




Rajah 1

Nyatakan nisbah bilangan blok *K* kepada bilangan blok *L*.
A 1 : 5
B 1 : 50
C 1 : 500
D 1 : 5 000

6. Penukaran yang manakah **tidak** benar?
A 9 abad = 900 tahun
B 5 dekad = 500 tahun
C 46 tahun = 4 dekad 6 tahun
D 208 tahun = 2 abad 8 tahun

7. Rajah 2 menunjukkan kedudukan harta karun yang disembunyikan dalam satu pertandingan mencari harta karun.



Rajah 2

Antara pernyataan berikut, yang manakah **tidak** benar?
A Koordinat harta karun *E* ialah (7, 1).
B Koordinat harta karun *K* ialah (7, 5).
C Harta karun *F* dan harta karun *G* terletak pada lajur yang sama.
D Harta karun *H* berada 4 unit ke kanan dari asalan dan 2 unit ke atas.

8. 802 390 – 443 395 – 7 611 =
A 351 384
B 351 420
C 369 384
D 751 384

9. *M* + 4 636 + 713 + 365 128 = 900 204
Cari nilai *M*.
A 529 709
B 529 727
C 529 763
D 538 727

LIVEWORKSHEETS

10. $175\,975 \div 25 =$

A 739
B 7 039
C 7 309
D 7 390

11. $781\,063 - 240\,312 \div 19 =$

A 28 460
B 28 465
C 540 751
D 768 415


12. $(10\,132 + 610) \times 48 =$

A 39 412
B 302 932
C 515 616
D 522 532

13. $2\frac{3}{4} + 4\frac{2}{3} =$

A $6\frac{1}{4}$ **B** $6\frac{5}{12}$
C $7\frac{1}{3}$ **D** $7\frac{5}{12}$

14. Rajah 3 menunjukkan satu garis nombor.



Rajah 3

Cari nilai P dan nilai Q.

A $P = \frac{7}{8}$, $Q = 2\frac{1}{10}$
B $P = \frac{7}{8}$, $Q = 2\frac{1}{10}$
C $P = \frac{7}{8}$, $Q = 2\frac{1}{10}$
D $P = \frac{7}{8}$, $Q = 2\frac{1}{10}$


15. RM125 000 + RM69 713 – RM43 800 =

A RM99 087
B RM140 913
C RM150 113
D RM150 913

16. $8 - 3\frac{39}{1\,000}$


A 4.038
B 4.961
C 5.061
D 5.971


17. Rajah 4 terdiri daripada beberapa buah segi empat sama yang sama besar.




Rajah 4

Antara berikut, peratusan bahagian berlorek daripada seluruh rajah manakah yang sama dengan Rajah 4?

A


B


C


D


18. Antara berikut, yang manakah bersamaan dengan 64%?

A $\frac{64}{10}$
B $\frac{3}{4}$
C $\frac{16}{25}$
D $\frac{3}{5}$

19. 39 m × ☐ = 3.9 km

Cari nombor yang tertinggal dalam petak itu.

A 10
B 100
C 1 000
D 10 000

20. Hitung $60.5 \div 100$. Bundarkan jawapan kepada persepuluh yang terdekat.

A 0.6
B 0.605
C 0.61
D 0.7

LIVEWORKSHEETS

21. Sebuah kotak mengandungi 230 050 biji manik. $\frac{1}{5}$ daripada manik itu berwarna merah dan bakinya ialah manik kuning. Berapakah bilangan manik kuning di dalam kotak itu?

A 46 010
B 57 513
C 172 537
D 184 040

22. Terdapat 40 orang murid di dalam sebuah kelas. 16 orang daripada mereka ialah murid lelaki. Cari peratusan murid perempuan di dalam kelas itu.

A 24%
B 40%
C 60%
D 75%

23. Jadual 1 menunjukkan wang yang diderma oleh empat orang kawan kepada mangsa banjir.

Nama	Wang derma
Andy	RM90
Roy	RM25
Malek	RM80
Gopal	RM55

Jadual 1

Berapakah peratusan wang yang diderma oleh Andy daripada semua wang yang diderma oleh mereka?

A 18% **B** 36%
C 45% **D** 90%

24. Jadual 2 menunjukkan bilangan anak pokok yang ditanam di tiga buah ladang, *R*, *S* dan *T*.


Ladang	Bilangan anak pokok
R	3 kali bilangan anak pokok di ladang *S*
S	115 300
T	18 470 anak pokok kurang daripada ladang *R*

Jadual 2

Hitung bilangan anak pokok yang ditanam di ladang *T*.

A 290 490
B 327 430
C 364 370
D 401 310

25. Rajah 5 menunjukkan kedudukan rumah Aida, kolej, bank dan stesen petrol.



Rajah 5

Jarak dari bank ke stesen petrol adalah 2 kali jarak dari kolej ke bank. Pada suatu hari, Aida memandu dari kolej ke stesen petrol melalui bank. Kemudian, dia balik ke rumahnya dari stesen petrol itu melalui bank. Cari jumlah jarak, dalam km, yang dilalui oleh Aida.

A 3.4
B 3.94
C 5.44
D 5.8

26. 140 000 biji telur dihantar ke sebuah pasar raya. $\frac{1}{4}$ daripada telur itu ialah telur gred A. 70 930 biji ialah telur gred B dan bakinya ialah telur gred C. Cari bilangan telur gred C yang dihantar ke pasar raya itu.

A 34 070
B 65 570
C 74 430
D 105 930

27. Jadual 3 menunjukkan jisim tiga ekor ikan, *X*, *Y* dan *Z*.

Ikan	Jisim
X	3.09 kg
Y	$\frac{2}{5}$ kg lebih ringan daripada *X*
Z	630 g lebih berat daripada *X*

Jadual 3

Cari jumlah jisim, dalam kg, tiga ekor ikan itu.


A 4.12
B 6.56
C 9.5
D 10.82

LIVEWORKSHEETS

28. Umur Puan Laila ialah 45 tahun manakala umur dua orang anak perempuannya masing-masing ialah 18 tahun dan 21 tahun. Hitung jumlah umur mereka bertiga.

A 8 dekad 4 tahun
B 8 dekad 40 tahun
C 80 dekad 4 tahun
D 80 dekad 40 tahun

29. Rajah 6 menunjukkan jumlah jisim bagi dua buah bongkah kayu, *P* dan *Q*.




Rajah 6

Jika bongkah kayu *Q* digantikan dengan bongkah kayu *R* yang berjisim 1.2 kg, cari jumlah jisim, dalam kg, bongkah kayu *P* dan bongkah kayu *R*.

A 2.15
B 2.45
C 3.45
D 4.4

30. Rajah 7 menunjukkan isi padu suatu bahan kimia di dalam sebuah bikar.



Rajah 7

4 orang murid menggunakan 360 mℓ bahan kimia itu. Cari isi padu, dalam mℓ, bahan kimia yang tinggal di dalam bikar itu.

A 740
B 750
C 840
D 880

31. Jadual 4 yang tidak lengkap menunjukkan bilangan mangga yang dibeli oleh Mohan. Bilangan mangga yang dibeli oleh Farid dan Chew Kiat tidak ditunjukkan.

Nama	Bilangan mangga
Farid	
Mohan	153 280
Chew Kiat	

Jadual 4

Jumlah bilangan mangga yang dibeli oleh mereka ialah 745 690 biji. Bilangan mangga yang dibeli oleh Chew Kiat adalah separuh daripada bilangan mangga yang dibeli oleh Farid. Hitung bilangan mangga yang dibeli oleh Chew Kiat.

A 197 470
B 211 470
C 296 205
D 592 410

32. Sebanyak 63.75 ℓ jus tembikai diproses dalam masa sejam. Semua jus tembikai itu diisi sama banyak ke dalam 85 biji botol. Berapakah isi padu, dalam mℓ, jus tembikai yang ada di dalam setiap botol?

A 540
B 645
C 750
D 755

33. Jadual 5 menunjukkan harga bagi dua jenis barang.

Barang	Harga
Sofa	RM4 699
Tilam	RM2 530


Jadual 5

Berapakah beza antara jumlah harga bagi 4 buah sofa dengan 2 buah tilam?

A RM2 169
B RM7 220
C RM11 266
D RM13 736

LIVEWORKSHEETS

34. Rajah 8 menunjukkan gabungan sebuah segi tiga sama sisi *PQV* dan sebuah segi empat tepat *RSTU*.




Rajah 8

Perimeter bentuk gabungan itu ialah 54 cm. Cari panjang, dalam cm, bagi *PQ*.

A 10 **B** 11
C 12 **D** 13

35. Rajah 9 menunjukkan sebuah segi empat sama *EFJK* dan sebuah segi empat tepat *FGHJ*. *EFG* dan *KJH* ialah garis lurus.



Rajah 9

Perimeter *EFJK* ialah 24 cm. Hitung luas, dalam cm^2, seluruh rajah itu.

A 28 **B** 30
C 36 **D** 54

36. Jadual 6 menunjukkan jisim murid di dalam Kelas Tahun 5 Ikhlas.


Jisim (kg)	Bilangan murid
25	5
30	4
35	9
40	7

Jadual 6

Antara pernyataan berikut, yang manakah benar?

A Julat ialah 5 kg.
B Mod ialah 40 kg.
C Min ialah 33.6 kg.
D Kekerapan yang paling tinggi ialah 40 kg.

37. Rajah 10 menunjukkan panjang sebatang rod.



Rajah 10

Berapakah panjang bagi 6 batang rod yang sama itu?


A $16\frac{1}{5}$ m

B $16\frac{2}{5}$ m

C $16\frac{1}{2}$ m

D $16\frac{4}{5}$ m

38. Rajah 11 menunjukkan gabungan sebuah kubus *P* dan sebuah kuboid *Q*.



Rajah 11

Hitung isi padu, dalam cm^3, bentuk gabungan itu.

A 532
B 612
C 640
D 672

LIVEWORKSHEETS

39. Jadual 7 menunjukkan usia bagi dua buah bangunan, *P* dan *R*. Usia bangunan *Q* tidak ditunjukkan.

Bangunan	Usia
P	4 dekad 8 tahun
Q	
R	Separuh daripada usia bangunan *Q*

Jadual 7

Usia bangunan *P* adalah 3 kali usia bangunan *Q*. Hitung usia bangunan *R*.

A 8 tahun
B 16 tahun
C 32 tahun
D 72 tahun

40. Jadual 8 yang tidak lengkap menunjukkan wang simpanan Encik Rahman di sebuah bank.

Tahun	1	2
Baki awal tahun	RM300	RM309
Nilai faedah	RM9	
Baki hujung tahun	RM309	

Jadual 8

Bank itu memberikan kadar faedah sebanyak 3% setahun. Hitung wang simpanan Encik Rahman pada akhir tahun kedua.

A RM309.27
B RM309.90
C RM318.27
D RM318.90

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT

LIVEWORKSHEETS